



NOTIS PERUBAHAN WAKTU KAUNTER SEMENTARA

PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KAUNTER DI JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN 09 Ogos 2021 bersamaan 29 Zulhijjah 1442

Berikutan situasi jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam pada masa ini serta sebagaimana nasihat yang telah diberikan oleh Kementerian Kesihatan, dalam sama-sama membendung penularan jangkitan wabak COVID-19, dengan ini memaklumkan kepada orang ramai akan **perubahan hari dan waktu** perkhidmatan kaunter di Jabatan Kemajuan Pelancongan buat sementara waktu **mulai hari Isnin, 09 Ogos 2021 sehingga satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.**

Kaunter-kaunter perkhidmatan yang mempunyai perubahan adalah seperti berikut:

KAUNTER		HARI & WAKTU PERKHIDMATAN	NO. TALIAN DIHUBUNGI
1.	Kaunter Perlesenan dan Pendaftaran (Licensing and Registration Counter)	Isnin hingga Khamis 8.00 pagi – 10.00 pagi Sabtu 8.00 pagi – 10.00 pagi	2380890 Ext. 2309 2382805 Ext. 2325
2.	Kaunter Pembayaran (Payment Counter)	Isnin hingga Khamis 8.00 pagi – 10.00 pagi	2381100 / 2380173 Ext. 2303

Dengan itu, dimaklumkan jua dan demi mengutamakan keselamatan dan kesejahteraan pegawai dan kakitangan Jabatan Kemajuan Pelancongan dan orang awam, **SOP yang sedia ada hendaklah dipatuhi semasa berada di pejabat tersebut** untuk urusan.

Kerjasama dan pertimbangan daripada orang ramai adalah sangat diharapkan dan sebarang kesulitan yang dihadapi adalah amat dikesali dan Jabatan Kemajuan Pelancongan memohon maaf atas perkara ini. Sebarang perubahan akan dimaklumkan dari masa kesemasa.

Disediakan oleh:

Unit Pentadbiran dan Kewangan

Jabatan Kemajuan Pelancongan

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan